

UTM juara NEC

Putrajaya: Pasukan D'Poudre Sdn Bhd dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) muncul juara Cabaran Keusahawanan Kebangsaan (NEC) 2015/2016 yang berlangsung di sini, baru-baru ini.

Pasukan berkenaan mengendalikan syarikat penjualan krim penyembuh luka kepada institusi kesihatan di Malaysia, membawa pulang hadiah wang tunai RM10,000 berserta Piala Pusingan Menteri Pendidikan Tinggi,

piala iringan dan sijil.

Tempat kedua dimenangi Syarikat Wowkawkaw Sdn Bhd dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, manakala tempat ketiga dimenangi Syarikat Dysoft Global Sdn Bhd dari Universiti Putra Malaysia.

Sementara itu, Nor Fatimah Ramle dari Syarikat D'Poudre Sdn Bhd dinobatkan sebagai penerima Anugerah Ketua Pegawai Eksekutif Terbaik sekali gus

memenangi wang tunai RM1,000, trofi dan sijil.

Majlis penutup dan penyampaian hadiah disempurnakan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Prof Datuk Dr Asma Ismail yang mewakili Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh.

Bina modal insan

Idris berkata, pertandingan berkenaan antara platform terbaik bagi membina modal insan yang mempunyai kemahiran dan pemikiran usahawan serta inovatif bagi kesejahteraan dan kemakmuran masyarakat pada masa hadapan.

Katanya, mahasiswa juga diseru menjadi usahawan sepenuh masa sebaik menamatkan pengajian kelak dan bergerak maju ke arah perniagaan dan industri berasaskan ekonomi berpengetahuan seperti dalam bidang nanoteknologi dan bioteknologi.

“Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) berharap lebih banyak penyertaan daripada institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan terutama dalam kalangan IPT dan universiti swasta diterima untuk menyertai NEC pada masa akan datang,” katanya dalam teks ucapan yang dibacakan Prof Asma.



Pemenang NEC 2015/2016 selepas majlis penyampaian hadiah.